

BULETIN
AKRAB
2016



Laporan Lawatan
CSR Akrab 2016



Akrab
Menerjah lagi



Konvensyen
Akrab





KANDUNGAN



- 02 PERUTUSAN PENAUNG
- 03 PERUTUSAN PENASIHAT
- 04 PERUTUSAN PENGERUSI
- 05 CARTA ORGANISASI AKRAB 2016
- 06 INFO AKRAB – TEKNIK KAUNSELING KELUARGA

BERITA AKRAB

- 08 PUSAT KOMODITI , KEDAH
- 10 PUSAT PEDIATRIK , HOSPITAL BESUT
- 12 KURSUS BUDAYA KERJA CEMERLANG
- 14 SEMINAR PENGURUSAN KEWANGAN
- 15 KONVENSYEN AKRA KEBANGSAAN KALI KE-7 TAHUN 2016



ARTIKEL

- 16 APA MASALAH KALIAN?
- 17 APA ITU KIFARAH?
- 18 SAYANGNYA ALLAH PADA KITA
- 19 SENDIRI
- 20 SOROTAN PERISTIWA
- 24 KENALI RAKAN AKRAB

PENAUNG

DATO' AHMAD ZAKARIA BIN MOHAMAD SIDEK

PENASIHAT

EN. MOKHTAR BIN SULAI

KETUA EDITOR

EN. JOHARI BIN ABDULLAH

EDITOR

PN. HERNY MARINI BINTI MOHD HISHAM

PN. ROHAIZAH BINTI MOHAMMAD NASIR

PERUTUSAN PENAUNG



Dato' Ahmad Zakaria Bin Mohamad Sidek
Penaung Jawatankuasa AKRAB
Jabatan Pertanian Malaysia

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Negaraku

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat llahi kerana dengan izinNya, Buletin AKRAB 2016 kali ini berjaya diterbitkan. Ucapan tahniah dan syabas kepada ahli jawatankuasa AKRAB di atas kerjasama dalam menyusun, menyunting, dan seterusnya menerbitkan naskah ini.

Peranan AKRAB dalam perkhidmatan awam adalah sangat penting sebagai penggerak pembangunan modal insan dalam pengurusan sumber manusia serta sebagai pembimbing yang membantu rakan sekerja dalam meningkatkan prestasi kerja dan potensi diri bagi memacu kejayaan organisasi.

Sebagai Penaung jawatankuasa ini, saya berharap Program memperkasakan ahli AKRAB Jabatan Pertanian terus dilaksanakan dari semasa ke semasa

bagi meningkatkan tahap profesionalisme ahli AKRAB. Peningkatan kompetensi semua ahli AKRAB dapat membantu organisasi ke arah budaya kerja yang lebih cemerlang dan menyokong pihak pengurusan Jabatan melahirkan pekerja yang mempunyai komitmen yang tinggi kepada organisasi.

Akhir sekali, ribuan terima kasih juga kepada Puan Fatimah binti Mohd Nasir yang bertindak sebagai Penggerusi Jawatankuasa AKRAB kerana berjaya memimpin barisan AKRAB Jabatan Pertanian yang telah bertungkus lumus memastikan segala urusan dan aktiviti dapat diuruskan dengan baik. Semoga AKRAB Jabatan Pertanian akan lebih berjaya pada masa hadapan dalam memperkasakan sumber manusia ke arah mencapai visi dan misi Jabatan Pertanian.

Sekian. Terima Kasih

KATA ALUAN PENASIHAT

Encik Mokhtar bin Sulai
Penasihat Jawatankuasa AKRAB
Jabatan Pertanian Putrajaya



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Negaraku

Bersyukur saya ke hadrat llahi kerana dengan rahmat dan kasih sayang Allah s.w.t kita masih diberi peluang untuk memberi sumbangan kepada Jabatan Pertanian dalam membantu pengurusan atasan bagi memastikan organisasi ini sentiasa cemerlang dan berintegriti.

Selaku penasihat Jawatankuasa AKRAB Jabatan, saya menekankan para ahli AKRAB supaya menghayati misi AKRAB selaku rakan pembimbing yang menjadi contoh kepada rakan sekerja yang lain.

Terimakasih diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa AKRAB yang telah menjayakan penerbitan artikel tahun ini, dan tidak dilupakan kepada penyumbang artikel yang bermanfaat untuk pembaca.

Akhir sekali, saya mengharapkan agar semua Rakan AKRAB dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang agar kita sama-sama dapat meningkatkan prestasi Jabatan.

Sekian, terima kasih

KATA ALUAN PENGERUSI



Assalamualaikum w.b.t, salam sejahtera dan salam negaraku

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat ilahi kerana dengan limpah Kurnianya Jawatankuasa AKRAB berjaya menerbitkan Buletin AKRAB 2016.

Pelbagai program dan aktiviti yang telah diatur pada tahun ini dan diharapkan ahli AKRAB dapat memperkaya ilmu pengetahuan khususnya dari sudut psikologi dan kaunseling.

Diharapkan Buletin ini akan terus menjadi wadah dalam pembudayaan ilmu dengan memaparkan informasi terkini tentang AKRAB, berita-berita dan

Pn Fatimah Mohd Nasir
Pengerusi
Jawatankuasa AKRAB
Jabatan Pertanian Putrajaya

artikel-artikel berkaitan psikologi. Sedikit sebanyak sumbangan AKRAB dapat membantu pihak Pengurusan membentuk kelompok pekerja yang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas dan organisasi serta menjadi 'role model' yang boleh dicontohi.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah terlibat dalam usaha penerbitan Buletin AKRAB 2016 terutamanya kepada peyumbang artikel dan berita serta informasi berkaitan kaunseling dan psikologi. Diharapkan penerbitan Buletin AKRAB terus menjadi kesinambungan bagi penyampaian maklumat dan perkongsian ilmu serta usaha-usaha yang telah dilakukan AKRAB.

Sekian. Terima Kasih



CARTA ORGANISASI

JAWATANKUASA INDUK AKRAB SESI 2015/2016 JABATAN PERTANIAN

PENAUNG

Dato' Ahmad Zakaria bin Mohd Sidek
Ketua Pengarah Pertanian

PENASIHAT

Pengarah Bahagian
Pembangunan Sumber Manusia

PENGERUSI

Fatimah bt Mohd Nasir
Bahagian Hortikultur

TIMBALAN PENGERUSI

Johari bin Abdullah, BPPIAT

PENYELARAS

Mohd Nazri bin Abu Seman
Ketua Unit Kemajuan Kerjaya, BPSM

SETIAUSAHA

Rohaizah bt Mohamed Nasir
Unit Kemajuan Kerjaya, BPSM

BENDAHARI

Ngadiran bin Nasir
Unit Kemajuan Kerjaya, BPSM

J/K KOMPETENSI LATIHAN

Pengerusi : Normaizah bt Ismail @ Manaf
Timb. Pengerusi : Rosli bin Yaacob

J/K SOSIAL DAN KEROHANIAN

Pengerusi : Shabariah bt Ismail
Timb. Pengerusi : Wan Nur Amalina
bt Wan Mohamed

J/K PENERBITAN

Pengerusi : Fazlysyam bin Md Isa
Timb. Pengerusi : Hayusri Faizal bin Idris

J/K TUGAS-TUGAS KHAS

Zon Timur : Nik Hajizul Nik Supian
Zon Utara : Shahbani bin Ismail
Zon Tengah : Fauzi bin Md Yatim
Zon Selatan : Noraini bt Sulian

TEKNIK MENANGANI MASALAH KEKELUARGAAN

KELUARGA BAHAGIA

- mempraktikkan cinta yang tulus
- selalu berkomunikasi dengan ibu bapa
- mengutamakan kesihatan
- menghabiskan waktu berkualiti bersama anak-anak
- melakukan aktiviti bersama anak-anak
- menggantikan junk food dengan makanan yang sihat
- jangan gunakan televisyen sebagai babysitter
- menjauhkan keluarga daripada kekerasan dan keganasan
- mementingkan kesihatan



JENIS-JENIS PERHUBUNGAN YANG BOLEH MENERBITKAN KONFLIK

- Percanggahan keinginan atau matlamat
- perbezaan idea tentang cara atau kaedah pencapaian matlamat
- Ketidak fahaman atau nilai dan perasaan peribadi yang tersembunyi



PUNCA KONFLIK

- maklumat
- sumber
- dugaan
- keperluan
- kuasa dan autoriti
- nilai dan etika
- personaliti

MENCARI KESEPAKATAN

- mengenalpasti dan sedar akan percanggahan yang wujud
- bimbingan terbuka, komunikasi berkesan dan aktif mendengar
- kekal pada objektif utama, misalnya kepada isu dan bukan kepada individu
- cari satu persetujuan bersama mengenai matlamat
- Jika perlu buat pengubahsuaian, misalnya bagi mendapat kepastian dan keputusan.
- perlu diingatkan bahawa percanggahan idea boleh membawa kepada kumpulan yang lebih mantap dan efektif

KESAN KONFLIK

I'm tired of being what you want me to be
 Feeling so faithless, lost under the surface
 I don't know what you're expecting of me
 Put under the pressure of walking in your shoes

Caught in the undertow, just caught in the undertow

Every step that I take is another mistake to you

Caught in the undertow, just caught in the undertow

I've become so numb, I can't feel you there
 Become so tired, so much more aware
 By becoming this all I want to do
 Is be more like me and be less like you

Can't you see that you're smothering me?
 Holding too tightly, afraid to lose control
 'Cause everything that you thought I would be
 Has fallen apart right in front of you

Caught in the undertow, just caught in the undertow

Every step that I take is another mistake to you

Caught in the undertow, just caught in the undertow



And every second I waste is more than I can take!
 I've become so numb, I can't feel you there
 Become so tired, so much more aware
 By becoming this all I want to do
 Is be more like me and be less like you

And I know I may end up failing too
 But I know you were just like me with someone
 disappointed in you

I've become so numb, I can't feel you there
 Become so tired, so much more aware
 By becoming this all I want to do
 Is be more like me and be less like you
 I've become so numb, I can't feel you there
 I'm tired of being what you want me to be
 I've become so numb, I can't feel you there
 I'm tired of being what you want me to be



TEKNIK PENGURUSAN KONFLIK



KAEDAH MENANGANI KONFLIK

- mengelak
- melambatkan (menangguhkan)
- konfrantasi
- arbitration (timbangtara) - guna pihak ke 3
- bertolak ansur
- sebulat suara

AKRAB JABATAN PERTANIAN MENERJAH LAGI...

Alor Setar, Kedah: Tanggal 25 Mei 2016 seramai 13 anggota AKRAB Jabatan Pertanian Malaysia telah mengadakan siri Lawatan Khidmat Masyarakat atau dengan lain perkataan menjalankan aktiviti Corporate Social Responsibility (CSR) bertempat di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Telok chengai, Alor Setar, Kedah.



Rombongan AKRAB Jabatan Pertanian yang di ketuai oleh Puan Normaizah binti Ismail telah meluangkan masa hampir tiga jam bersama kanak-kanak istimewa dipusat tersebut. Turut serta menyambut rombongan AKRAB adalah tiga orang pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat daerah Kota Setar, AJK Pusat Tersebut, Ketua pusat dan kakitangan serta ibubapa/waris kanak-kanak istimewa disitu.

Anggota AKRAB sempat bergaul dan melayan kanak kanak istimewa tersebut yang dikelaskan kepada beberapa kategori seperti Lembam, Down Syndrom, Kecacatan Anggota dan lain lain lagi.



Kesempatan yang ada telah digunakan dengan sebaik mungkin dimana anggota AKRAB banyak berinteraksi dengan ibubapa kanak kanak istimewa tersebut bagi menyelami apa yang mereka ibubapa rasai, lalui dan terpaksa memikul tanggongjawab untuk terus memberi yang terbaik kepada anak-anak mereka agar kanak kanak istimewa ini dapat membesar dengan tiada perasaan tersisih dari masyarakat. dan dapat bersama-sama hidup dalam masyarakat.



Kata orang, "rezeki jangan ditolak", pihak pusat bersama AJK Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Telok Chengai telah menyediakan juadah khas untuk anggota AKRAB Jabatan Pertanian yang hadir pada hari tersebut. Kami semua menjamu selera secara kenduri beramai-ramai dengan pegawai pegawai JKM, AJK Pusat, ibubapa dan waris, kakitangan pusat serta kanak kanak istimewa disitu. Sekali lagi dikesempatan ini kita melayan, menuap dan membantu kanak kanak istimewa ini semasa makan.

Memang pelbagai persaan terlintah dihati ketika berada dipusat tersebut, hiba, sedih, keinsafan,kasih sayang, persoalan bagaimana ibubapa perlu penuh kesabaran dan bermacam persoalan lain yang terlintas dihati.

Dimana ada pertemuan disitu juga ada perpisahan.Selepas tiga jam berada di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti sampailah masa untuk kami beredar. Majlis ringkas sebagai penutup , penghargaan dan terima kasih telah dirakamkan. Mewakili AKRAB Jabatan Pertanian, Puan Normaizah binti Ismail telah memberikan ucapan dan seterusnya menyerahkan sumbangan ikhlas berupa wang tunai kepada wakil pusat tersebut.



Yang bisu minta suara, yang pekak minta dengar,yang sakit minta kesembuhan, yang kudung minta anggota dan yang cacat minta kenormalan. Dimanakah kita? Kita insan sempurna, bersyukur.....bersyukurlah. Bersyukurlah dengan membalaik segala nikmat pemberian Allah SWT dengan sentiasa mematuhi perintahNYA dan sentiasa ikhlas dalam mengerjakan amal kebajikan.

WASSALAM.
Zahid bin A. Bakar
PLPP Wilayah Utara,
Telok Chengai, Kedah.



LAPORAN LAWATAN CSR AKRAB

JABATAN PERTANIAN 2016



Unit Pediatrik Hospital Besut Terengganu mempunyai seramai 10 orang kakitangan. Wad ini boleh menampung sebanyak 30 pesakit pada satu-satu masa. Di dalam wad 3 ini juga terdapat 5 katil di Bilik Kuarantin. Seramai 20 orang Rakan AKRAB Jabatan Pertanian telah mengadakan program CSR ke Wad ini pada 29 September 2016. Di sana kami disambut oleh pegawai dan kakitangan Wad tersebut. Pada masa lawatan diadakan sesi lawatan oleh 2 orang doktor yang bertugas.

Kami diberi penerangan ringkas berkenaan pentadbiran serta operasi yang dijalankan di Wad 3 yang telah disampaikan oleh doktor yang bertugas. Selesai taklimat, sedikit sumbangan telah disampaikan oleh Pengurus AKRAB Jabatan Pertanian dalam bentuk cenderahati dan hamper turut disampaikan kepada setiap pesakit mengikut katil oleh Rakan AKRAB. Program CSR AKRAB Jabatan Pertanian kali ini sedikit sebanyak dapat mendalami serta berkonsi perasaan ahli keluarga kanak-kanak yang terpaksa berada di sini.





Rakan AKRAB bersama-sama mendalami setiap masalah penyakit yang dialami oleh pesakit / keluarga



KURSUS MOTIVASI

BUDAYA KERJA CEMERLANG

Oleh : ZAZA IZLIN BT MOHD RAZIF AKRAB WILAYAH SELATAN

Kursus Motivasi Budaya Kerja Cemerlang telah berlangsung dengan jayanya pada 31 Oktober – 3 November 2016 bertempat di Pusat Latihan dan Pembangunan Pengembangan Wilayah Selatan (PLPPWS) Ayer Hitam, Johor. Seramai 23 orang peserta telah menghadiri kursus ini. Kursus ini telah dirancang perlaksanaannya sejak dari awal tahun lagi oleh pihak Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) dan direalisasikan oleh PLPPWS yang diketuai oleh Encik Zulkaply bin Mohamed selaku penasihat, Puan Zaza Izlin bt Mohd Razif (Penyelaras) serta dibantu oleh dua orang setiausaha kursus iaitu Puan Wan Fairuz Fadzillah bt Wan Abdullah dan Encik Mohd Fuad bin Md Sharif.

Objektif kursus ini adalah untuk mengenalpasti potensi diri para peserta, memantapkan nilai-nilai murni sekaligus memastikan mereka dapat mengaplikasikan kualiti diri yang baik dalam melaksanakan tugas-tugas harian. Kursus ini merupakan kursus khas di mana senarai nama para peserta dikeluarkan sendiri oleh Bahagian Pengurusan, Jabatan Pertanian, Putrajaya. Perunding Motivasi terkenal merangkap Ikon Belawan Johor iaitu Encik Abdul Halim bin Abdul Hafidz atau lebih dikenali dengan gelaran Ustaz Halim Hafidz telah menerima undangan sebagai penceramah bagi kursus ini. Beliau dan pasukannya dilihat bertungkus lumus memotivasi minda para peserta agar keluar dari zon selesa mereka supaya potensi diri sebenar dapat ditonjolkan.

Apa yang menariknya adalah kursus ini turut memuatkan sesi Kaunseling Kelompok dalam salah satu modul pada hari ketiga. Kaunselor Puan Zuraini bt Ismail dijemput dari Bahagian Pengurusan Psikologi Jabatan Perkhidmatan Awam digandingkan bersama Kaunselor Puan Nurul Jalilah bt Abdul Rahman dari Kolej Matrikulasi Johor. Lebih menarik lagi seramai lapan orang ahli AKRAB Jabatan Pertanian turut serta dalam menjayakan sesi kaunseling kelompok ini. Pasukan AKRAB dilihat memainkan peranan penting sebagai rakan pembimbing serta rujukan memandangkan AKRAB ini lebih memahami rutin dan aliran kerja di Jabatan Pertanian itu sendiri sekaligus dapat membantu mengenalpasti punca konflik yang wujud dalam bidang tugas para peserta.

Secara rumusannya, jenis konflik yang wujud dalam kehidupan para peserta kursus boleh dikategorikan seperti berikut :

1. Konflik dengan penyelia (majoriti)
2. Konflik keluarga
3. Konflik kesihatan
4. Konflik kewangan

SEMINAR PENGURUSAN KEWANGAN

JABATAN PERTANIAN 2016

Seminar Pengurusan Kewangan Jabatan Pertanian 2016 telah diadakan pada 11 Mei 2016 dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Unit Integriti Jabatan Pertanian. Program diadakan di Dewan Institut Pertanian Serdang, Serdang Selangor, telah disertai oleh seramai 75 orang kakitangan yang dijemput khas daripada beberapa bahagian di Jabatan Pertanian.

Penceramah jemputan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Cik Noor Aziera Ezurien Aziz telah menjayakan program tersebut. AKRAB Jabatan Pertanian sebagai fasilitator.

Seminar yang telah diadakan selama 4 jam bermula 9.00 – 1.00 tengahari ini merangkumi 2 jam pertama dengan ceramah berkaitan pengenalan AKPK serta perkhidmatan yang ditawarkan. Selain dari itu peserta turut diberi pendedahan berhubung jenis-jenis hutang yang patut di rencanakan. Peserta turut di berikan contoh/ serta cadangan pengagihan/ penjadualan kewangan peribadi.

Manakala 2 jam seterusnya, telah diadakan latihan dalam kursus (LDK) dengan dibantu oleh fasilitator AKRAB. Mengira pemantauan aliran tunai yang meliputi rekod perbelanjaan dan hutang pendapatan.





KONVENSYEN AKRAB

KEBANGSAAN KALI KE 7 TAHUN 2016

Konvensyen telah diadakan pada 12 – 13 Mei 2016 bertempat di Auditorium D8, Kompleks D, Kementerian Dalam Negeri. Majlis yang dianjurkan bersama Kementerian Dalam Negeri, Majlis AKRAB Kebangsaan dan Jabatan Perkhidmatan Awam telah berlangsung dengan jayanya selama 2 hari dengan pelbagai pengisian ilmu serta perkongsian pengalaman yang disampaikan oleh personel dari kakitangan awam dan pihak-pihak swasta serta orang-orang persendirian yang telah Berjaya didalam bidang masing-masing. Konvensyen telah dimeriahkan dengan kehadiran seramai 1000 orang ahli kaunseling, pegawai-pegawai psikologi dari pelbagai agensi serta rakan-rakan AKRAB dari pelbagai kementerian serta agensi.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri. Antara ucapan YB Beliau berharap pakar-pakar didalam bidang psikologi dapat membantu kakitangan awam yang ditimpa pelbagai masalah dan seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi kakitangan awam dan seterusnya meningkatkan prestasi agensi yang terlibat.

Jabatan Pertanian Malaysia telah menghantar seramai 14 orang rakan AKRAB sebagai tetamu jemputan. Selain dari berpeluang mendengar perkongsian pengalaman oleh penceramah, mereka turut dapat melihat pameran daripada pelbagai sumber.



Pameran yang turut dipamerkan pada Konvensyen tersebut.

Apa Masalah KALIAN?



Sesungguhnya Allah swt adalah sebaik-baik tempat mengadu.

Yakinlah, Dia Maha Mendengar, Maha Melihat, Maha Menghukum, Maha Adil, Maha Berkusa Atas Segala Sesuatu dan Allah swt tidak pernah zalim atau menzalimi sesiapa kecuali dia yang menzalimi dirinya sendiri.

Hakikat yang ramai tidak mahu sedari dan akui atau ingati adalah, setiap perkara musibah atau ujian yang berlaku, ia adalah :

- 1/ Penghapus dosa lampau
- 2/ Penambah pahala
- 3/ Pemberat timbangan baik/Amal
- 4/ Peringatan buat diri
- 5/ Ingatan untuk perbaiki

Kadang-kadang amalan kita tidak seberapa dan Allah swt beri pelbagai "Bonus" tambahan untuk memberatkan timbangan amalan kita. Jika mengerti dan meneliti dari sudut hati.

Kurangkan lihat kesilapan orang lain tetapi banyak cari kelemahan diri dan perbaiki.

*Tekadkan azam, mohon ALLAH istiqomahkan diri kita untuk bangkit solat taubat, tahajud dan witir setiap awal pagi sebelum subuh. Ini peringatan untuk diri sendiri juga.

Nukilan rasa perkongsian bersama:
Juliana Megat BBT, KL.

APA ITU KIFARAH?

Olahan oleh: Juliana Megat, BBT, KL

Kifarah adalah balasan Allah di dunia akibat dosa yang dilakukan oleh seorang hambanya, juga ujian-ujian Allah itu boleh berlaku, yang mungkin melibatkan kematian orang yang dikasihi, kehilangan harta benda ataupun penyakit, tidak kira sama ada penyakit tersebut berlaku dalam tempoh masa yang lama ataupun sekejap bergantung kepada ketentuan (qada') llahi atau buat selamanya sehingga mati. Selagi ketentuan (qada') bagi sakit itu belum menepati qada' Allah, maka sakit (kifarah) tadi tidak akan sembuh biarpun pelbagai usaha dilakukan oleh manusia jelas di.sini membuktikan bahawa ada di antara penyakit itu akan sembuh dengan sendiri biarpun tanpa usaha manusia untuk mendapatkan kesembuhan ataupun tidak akan sembuh biarpun banyak usaha untuk menyembuhkannya telah dilakukan.

Menurut sumber lain juga kifarah adalah hukuman yang diberikan Allah sebagai balasan dan ia akan menghapuskan dosa jika kita dapat bersabar dengan dugaan tersebut. Tapi tetap dalam Kifarah itu tiadanya idea kelahiran semula dan kewajipan org yang berbuat dosa akan mengalaminya semasa hidupnya. wallahualam.

Saidatina Aishah r.a meriwayatkan Rasulullah saw pernah bersabda

“Tidak menimpa ke atas seorang mukmin satu kecelakaan, biarpun duri, ataupun lebih daripada itu, melainkan Allah akan menggugurkan dengannya satu dosa” (Maksud hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslirn)

Maka kita sebagai umat islam adalah dituntut untuk tidak menggunakan Karma sebagai konsep pembalasan, atau sebagai Idea, atau sebagai penggunaan perkataan kerana Karma itu sendiri adalah terma/konsep khusus di dalam agama Buddha, Hindu dan Jainism.

Perlu kita faham bahawa hukum karma menurut agama Hindu, jika berbuat jahat akan dibalas seseorang itu dengan dihidupkan semula ke dunia ini dalam bentuk binatang. Manakala Kifarah dalam Islam contohnya seperti maksud di atas dan seperti dosa menderhaka kepada kedua ibu dan bapa Allah S.W.T membayar CASH atau membalas perbuatan itu terhadap anak derhaka tersebut ketika hidup di dunia ini tanpa menunggu ia mati.



Tidakkah ajaran Islam itu sangat berbeza dengan hukum Karma tersebut.

Hukum karma adalah kepercayaan orang yang beragama Hindu. Kita sebagai orang Islam memiliki rukun Islam dan rukun Iman kita sendiri. Kenapa harus kita mengambil hukum yang selain dari hukum Allah.

Firman Allah S.W.T,

“Sesungguhnya agama (yang direhsti) di sisi Allah hanyalah Islam.” (Surah Ali Imran, 3:19)

Dan firman-Nya lagi, **“Barangsiapa yang mencari agama selain dari agama Islam, maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu) daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.”**

(Surah Ali Imran, 3: 85)

Kerana itu jugalah Allah S.W.T. mengutuskan hamba dan Rasul-Nya, Muhammad S.A.W yang menjadi rahmat sekalian alam supaya mengajak Ahlul Kitab sama ada dari orang-orang Yahudi atau pun Nasrani (Kristian) serta golongan yang ummi dari kalangan orang-orang musyrik kepada jalan agama Allah iaitu Islam yang mengandungi petunjuk dan syari'at-Nya.

Tidak dinafikan bahawa setiap sesuatu itu berlaku, mempunyai sebab musabab, dan boleh dikaitkan dengan tingkah laku manusia, namun pada hakikatnya di sebalik fakta-fakta yang dapat diterima akal rasionalnya, qada' dan qadar llahi itu mengandungi rahsia-rahsia llahiyyah yang tidak difahami oleh manusia.

Sumber:

1. www.lkimfm.my,
2. <https://muhdhazrie.wordpress.com/2009/07/13/>,
www.jawhar.gov.my › Definisi › Mal & Sumber Am
3. Buku: *Travelog Haji & umrah*, Muhd Kamil Ibrahim

SAYANGNYA ALLAH PADA KITA..

Satu kisah benar untuk kita renungkan..Cerita dari seorang hamba ALLAH kepada saya..

Saya pernah buat semua ni konsisten baru seminggu. Dhuha 8 rakaat saya buat. Allah bagi saya RM10,000 cash dalam akaun saya! Bukan duit business tau. Tapi duit dari seorang hamba Allah yang tidak diketahui. “

Menangis saya berhari-hari malu dengan Allah. Malu kerana tak percaya dengan kekuasaan Allah Yang Maha Kaya. Dialah yang mampu memberikan rezeki yang tidak disangka-sangka.

Subhanallah... Maha Suci Allah.

Setakat manalah kita nak bekerja 2, 3 kerja dalam satu masa. Hanya disebabkan kos sara hidup yang meningkat secara mendadak!

Kita semua diberikan 24jam sehari. Badan tulang 4 kerat. Lama-lama kita akan rasa penat. Lama-lama kita akan rasa nak give up. Ada masa kita perlu berehat. Recharge tenaga. Adalah lebih mudah bila kita wajibkan amalan ini dalam aktiviti harian kita :

1. Solat 2 rakaat sebelum Subuh
2. Solat dhuha (buat lebih dr kemampuan. Kalau sebelum ni buat 2 rakaat, paksa diri buat 4 rakaat.)
3. Solat hajat 12 rakaat (6x salam)-atas kemampuan masing-masing. Mulakan dengan 2 rakaat dulu, lepas tu tambah.
4. Amalan membuka rezeki yang lain.

Tapi kadang-kadang kita lupa nak kusyuk lebih skit dalam solat. Tak pun kita terlupa untuk solat awal waktu. Tapi Allah masih memberi nikmatnya yang tidak terhitung pada kita, kan? baiknya Allah pada kita kan?

Allah sentiasa rindu untuk mendengar rintihan kita.

Bila kita bersungguh solat kepadaNya, Allah jadi suka dan sayang pada kita.

Bila Allah sayang pada kita, insyallah Allah lebih cepat nak makbulkan doa kita.

Solat tu kan bukti kehambaan kita padaNya.

Solat juga bukti kita bersyukur atas segala nikmat yang Allah beri pada kita.

Kita hanya perlu jaga hubungan dengan Allah. Ambil ‘hati’ Allah... bodek Allah.. Dan Allah akan jaga semua yang lain untuk kita.

Bestnya hidup bila kita utamakan Allah. Lebihkan solat.

Jika kita mengejar dunia, kita akan penat.

Jika kita kejar Allah, kita akan jadi kaya raya, tenang dan bahagia. Insyallah.

Semoga Allah mengurniakan rezeki yang melimpah ruah pada kita semua.

Ameen.... ameen ya rabbal a lomin

Nukilan rasa perkongsian bersama:
Juliana Megat, BBT, KL





SENDIRI !

- Jika anda betul maka tidak ada keperluan untuk marah,
- Dan jika anda salah maka anda tidak mempunyai apa-apa hak untuk marah

1. SABAR

- Sabar dengan keluarga adalah kasih
- Sabar dengan orang lain adalah hormat
- Kesabaran dengan diri adalah keyakinan dan kesabaran pada allah ialah iman

2. BERFIKIR

- Jangan sekali-kali berfikir tentang masa lampau, ia suatu penderitaan.....
- Jangan berfikir lebih mengenai Masa Depan, ia menjadikan anda Lebih Takut.....
- Hadapi kehidupan ini dengan senyuman, ia akan membawa kebahagiaan
- Setiap ujian yang getir dalam kehidupan kita di harapkan akan memberi kita kekuatan untuk terus memperbaiki diri kita
- Emas tulen diuji dengan api, kita manusia diuji dengan setiap masalah,
- Setiap masalah datang sama ada untuk mengeratkan atau menghancurkan sebuah perhubungan
- Pilihan adalah milik kita sama ada kita menjadi mangsa atau sebaliknya.
- Sesuatu yang CANTIK itu tidak semuanya baik, akan tetapi sesuatu yang baik itu selalunya CANTIK.
- Adakah anda tahu mengapa allah menciptakan ruang antara jari?
- Supaya seseorang yang terbaik datang dan mengisi ruang2 itu dengan memegang tangan anda untuk selama-lamanya.
- Kebahagiaan menjadikan anda manis....kemanisan akan membawa kebahagiaan.



Oleh : Zaza Izlin Binti Mohd Razif (Akrab Johor)

TERAPI BERMAIN

DEKATI ANAK-ANAK ANDA.....

Terapi bermain adalah salah satu kaedah psikoterapi yang dilakukan bersama kanak-kanak dimana ahli terapi menggunakan imaginasi serta maksud simbolik permainan kanak-kanak ini sebagai medium untuk memahami dan berkomunikasi dengan mereka. Tujuan terapi bermain adalah untuk mengurangkan kesan emosi yang dialami kanak-kanak supaya ia tidak memberi ancaman kepada tumbesaran normal mereka.

Bagi ibu bapa, kaedah terapi bermain juga boleh dilakukan bersama anak-anak bagi menyampaikan maksud keprihatinan kita sebagai ibubapa mereka. Ini kerana bermain juga mempunyai fungsi yang sangat luar biasa seperti perkembangan sensori motor, intelektual sosial, kreativiti, kesedaran diri dan perkembangan moral serta sahsiah. Ia boleh dilakukan mengikut langkah berikut :

"Kajian mendapati kanak-kanak yang mendapat peluang bermain secara seimbang dan cukup akan menjadi orang dewasa yang mudah berteman, kreatif dan cerdas berbanding mereka yang ketika kecilnya kurang mendapat kesempatan bermain" – menurut Ketua Seksyen Psikoterapi dan Intervensi, Bahagian Kaunseling Universiti Putra Malaysia (BKUPM), Siti Fatimah Abdul Ghani

FAKTOR ANCAMAN EMOSI KANAK-KANAK

Pengabaian

Gangguan Seksual

Keganasan

Kehilangan Ahli Keluarga

Fahami reaksi : anak memukul anak patung berulang kali - menunjukkan cemburu terhadap adik.

Fahami reaksi : anak membuat susunan haiwan. Lihat dimana kedudukan dirinya dalam susunan tersebut itulah yang dirasai dalam keluarganya.

Contoh reaksi verbal:

"Wah besar dan hebatnya kapal angkasa aiman" – walaupun anak tidak mambina kapal angkasa tetapi itulah imaginasi mereka.

Luangkan masa selama 10-20 minit dengan setiap anak. Seorang anak / sesi

Pilih satu ruang khas untuk bermain

Perhatikan gerakan, suara & tenaga mereka ketika bermain

Beri reaksi verbal terhadap perbuatan atau permainan mereka.

Tutup sesi permainan

SOROTAN AKTIVITI AKRAB 2016





MAJLIS RAMAH MESRA RAKAN AKRAB DAN PERPISAHAN PENGERUSI AKRAB JABATAN PERTANIAN



SENARAI NAMA RAKAN AKRAB

JABATAN PERTANIAN 2016

BIL	NEGERI	ALAMAT	NAMA NO AKRAB	NO TELEFON	EMAIL
1	W. P. Putrajaya	Bahagian Hortikultur, Aras 10, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62632 Putrajaya.	Fatimah Mohd Nasir A9121813	 03 88703406 0122526844	fatimahn@ doa.gov.my
2	W. P. Putrajaya	Bahagian Pengembangan Pertanian & IAT, Aras 8, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62632 Putrajaya.	Johari Abdullah A9123031	 03 88703438 013 4161323	johari_a@doa.gov.my
3	W. P. Putrajaya	Bahagian Perancangan & ICT, Aras 15, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62632 Putrajaya.	Normaizah Ismail@Manaf A9125813	 03 88703208 012 9637474	normaizah@ doa.gov.my
4	W. P. Putrajaya	Bahagian Hortikultur, Aras 10, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62632 Putrajaya.	Fazlisyam Md Isa A8033412	 03 88703480 012-3979007	fazlisyam@ doa.gov.my
5	W. P. Putrajaya	Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Aras 13, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62624 Putrajaya.	Rohaizah Mohamed Nasir A9126213	 03 88703257 017 7785405	rohaizah_mn@ doa.gov.my
6	W. P. Putrajaya	Bahagian Padi, Tanaman Industri & Florikultur, Aras 12, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62632 Putrajaya.	Shabariah Ismail A9126713	 03 88703293 014 9322761	ismailshabariah@ gmail. com
7	W. P. Putrajaya	Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Aras 13, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62624 Putrajaya.	Ngadiran Nasir A8034912	 03 88703255 012-7231957	ngadiran@ doa.gov.my

BIL	NEGERI	ALAMAT	NAMA	NO AKRAB	NO TELEFON	EMAIL
8	W. P. Putrajaya	Bahagian Pengembangan Pertanian & IAT, Aras 8, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62632 Putrajaya.	Herny Marini bt. Mhd Hisham A11018515		019 3160050	herny@doa.gov.my
9	W. P. Putrajaya	Bahagian Pengurusan & Pemuliharaan Sumber Tanah, Putrajaya	Nor Mah bt. Ahmad A11020315		012 2344983	normah_a@do.gov.my
10	W. P. Putrajaya	Bahagian Padi, Tanaman Industri & Florikultur, Putrajaya.	Farah Idayu bt. Abdul Ghapar A11018115		017 2320457	farahidayue87@yahoo.com
11	W. P. Putrajaya	Unit Integriti, Bahagian Pengurusan, Putrajaya.	Che Norliza bt. Che Yusoff A 11017915		016 3505018	chenorliza@doa.gov.my
12	W. P. Putrajaya	Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Aras 13, Wisma Tani, Lot 4G2, Presint 4, 62624 Putrajaya.	Hasnan bin Awang A8017712		0193756314	hasnan@doa.gov.my
13	W.P. Kuala Lumpur	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Malaysia, Jalan Gallagher, 50480 Kuala Lumpur.	Aishah Jafar A212106		03 26977139 012 3896404	aishahjafar@ gmail.com
14	W.P. Kuala Lumpur	Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Malaysia, Jalan Gallagher, 50480 Kuala Lumpur.	Juliana Megat A8033912		03 88703028 012 2014700	juliana@doa.gov.my
15	W.P. Kuala Lumpur	Bahagian Kawalan Racun Perosak, Jabatan Pertanian, Tingkat 4, Wisma Tani, Jalan Sultan Salahuddin, 50632 Kuala Lumpur.	Hayusri Faizal Idris A8033712		03 20301400 013 6244855	hayusri@doa.gov.my

BULLETIN AKRAB 2016

BIL	NEGERI	ALAMAT	NAMA	NO AKRAB	NO TELEFON	EMAIL
16	Kedah	Jabatan Pertanian Negeri Kedah, Seksyen Komunikasi, 06600 Jalan Kuala Kedah, Telok Chengai, Kedah.	Ahmad Nazeri Aziz A9120513		04 7775006 019 4405085	nazeriaziz@yahoo.com
17	Kedah	Pusat Latihan Pembangunan Pengembangan Wilayah Utara, Telok Chengai ,06600 Kuala Kedah, Kedah.	Zahid Bakar A7052711		04 7714003 012 5319821	zahid@doa.gov.my
18	Kedah	Pusat Kejuruteraan Pertanian, Jabatan Pertanian Telok Chengai, 06600 Kuala Kedah, Kedah.	Saadan Iteng A9126413		04 7715175 019 4367400	saadaniteng@yahoo.com.my
19	Pulau Pinang	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Jalan Kulim, Cherok Tuk Kun 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	Shahbani Ismail A6074510		04 5753487 013 4411839	shahbani@penang.gov.my
20	Pulau Pinang	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Jalan Kulim, Cherok Tuk Kun 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	Abdul Hamid Tahir A562009		04 5372144 019 4520735	abdhamid@penang.gov.my
21	Perak	Institut Pertanian Titi Gantong, Kompleks Pertanian Titi Gantong, 32600 Bota,Perak.	Tun Ihsan Abdul Karim A9127413		05 3761244 017 5151737	ihsan_alhafiz@yahoo.com
22	Selangor	Bahagian Kejuruteraan Pertanian,Kompleks Pertanian Serdang, 43409 Serdang, Selangor.	Aziz @ Awang Mat Ali A8033112		03 89486058 019 5659269	azizma@doa.gov.my
23	Selangor	Jabatan Pertanian Sabak Benam Kompleks Pejabat Daerah Sabak Bernam, 45300 Sungai Besar, Selangor.	Fauzi Md Yatim A6067310		03 32242306 019 2721797	fauzi_mdyatim@yahoo.com

BIL	NEGERI	ALAMAT	NAMA NO AKRAB	NO TELEFON	EMAIL
24	Selangor	Institut Latihan Pengembangan Pertanian, Beg Berkunci 211 43400 Serdang, Selangor.	Rosli Yaacob A539009	 03 89489070 019 4748789	rosli_y@doa.gov.my
25	Negeri Sembilan	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Tingkat 3, Blok D, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan.	Rozli Azizi Talib A9126313	 06 7639337 012 2808579	rozliazizi@yahoo.com.my
26	Negeri Sembilan	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Tingkat 3, Blok D, Wisma Negeri, 70450 Seremban, Negeri Sembilan.	Nor Haslina Nor Rizan A9125313	 06 7659760 019 3538089	norhaslina@doa.gov.my
27	Negeri Sembilan	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Tingkat 3, Blok D, Wisma Negeri, 70450 Seremban, Negeri Sembilan.	Yahya Abdul Mutalib A6073210	 06 7659760 019 6619752	yahyam@ns.gov.my
28	Negeri Sembilan	Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Tingkat 3, Blok D, Wisma Negeri, 70450 Seremban, Negeri Sembilan.	Norasid bin Othman A11020615	 019 3670919	norasid@ns.gov.my
29	Johor	Institut Pertanian Ayer Hitam (IPS), Jabatan Pertanian, Beg Berkunci 101, 86100 Ayer Hitam, Johor.	Alang Mad Daud A7050611	 07 7581161 012 7566530	aleakuantan@yahoo.com
30	Johor	Jabatan Pertanian Negeri Johor Aras 1, Bangunan Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi, Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor Kota Iskandar 79000 Bandar Nusajaya, Johor.	Farhana Hafizah Hamdan Mustafa A9031213	 07 2666707 012 2754665	farhana.hafizah@johor.gov.my
31	Johor	PLPP Wilayah Selatan, Jabatan Pertanian, Beg Berkunci 104, 86100 Ayer Hitam, Johor.	Zaza Izlin Mohd Razif A9127913	 07 7581878 017 9670339	zazaizlin_2711@yahoo.com.my

BULLETIN AKRAB 2016

BIL	NEGERI	ALAMAT	NAMA	NO AKRAB	NO TELEFON	EMAIL
32	Johor	Jabatan Pertanian Negeri Johor Aras 1, Bangunan Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi, Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor Kota Iskandar 79000 Bandar Nusajaya, Johor.	Mohamad Kasmuri A9031913		07 2666707 019 7561440	mohamad.kasmuri@johor.gov.my
33	Johor	Institut Pertanian Ayer Hitam, Jabatan Pertanian Beg Berkunci 101, 86100 Ayer Hitam, Johor.	Noraini Sulian A9125413		07 7581161 019 7050616	ainisulian@yahoo.com
34	Johor	Jabatan Pertanian Negeri Johor Aras 1, Bangunan Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi, Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor Kota Iskandar 79000 Bandar Nusajaya, Johor.	Norlijah Mohd Raduan A10028114		07 2666707 0197394440	norlijah@johor.gov.my
35	Johor	Pusat Latihan & Pembangunan Pengembangan Wilayah Selatan, Ayer Hitam, Johor	Hamid bin Miswan A11018415		012 7597510	ahm_plppah@yahoo.com
36	Johor	Bahagian Hortikultur, Jabatan Pertanian Parit Botak, Johor	Mohd Zahid bin Hassan A11019915		012 7306811	hjzahidhassan@gmail.com
37	Johor	Jabatan Pertanian Negeri Johor (Bahagian Khidmat Pengurusan) Aras 1&2, Bangunan Dato' Muhammad Ibrahim Munsyi, Pusat Pentadbiran Kerajaan Johor, Kota Iskandar, 79000 Nusajaya, Johor	Saharudin bin Talib A10028914		016 7787274	saharudin@johor.gov.my
38	Kelantan	Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, Beg Berkunci No 22, 15990 Kota Bharu, Kelantan.	Azuan Abdullah A9121513		09 7442400 017 9098686	azuan_wts@yahoo.com
39	Kelantan	Pejabat Pertanian Jajahan Bachok, 16300 Bachok, Kelantan.	Mohd Nazly Mohd Rejal A7051311		09 7788267 (T) 09 7783314 (F) 019 9885966	nazly@doa.gov.my

BIL	NEGERI	ALAMAT	NAMA	NO AKRAB	NO TELEFON	EMAIL
40	Kelantan	Jabatan Pertanian Negeri Kelantan Lundang, 15990 Kota Baharu, Kelantan	Azimah Mohd Zain A9000513		09 7442400 019 9335166	azimah@doa.gov.my
41	Terengganu	Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, Tkt 5, Wisma Negeri, 20632 Kuala Terengganu, Terengganu.	Nik Mohd Haizul Nik Supian A9124813		09 6222444 019 9839453	nikhaizul@yahoo.com
42	Terengganu	Unit Padi, Tanaman Industri dan Florikultur, Kompleks Pertanian Gerai, 22000 Jerteh, Terengganu	Nazmi bin Salleh A11020015		013 9301773	naz_sal@gmail.com
43	Pahang	Jabatan Pertanian Negeri Pahang, Ting. 6 & 7, Kompleks Tun Razak, Bandar Indera Mahkota, 25990 Kuantan, Pahang.	Zulkifli Yunus A7111911		09 5733133 09 5733649 019 5218779	rosenela72@yahoo.com.my

NOTA



PERTANYAAN & CADANGAN

Urusetia AKRAB

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia,
Jabatan Pertanian Putrajaya,
Aras13, No.30, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62624 Putrajaya.

Tel : 03-8870 3028 / 3257 / 3255

Email : akrabjp@doa.gov.my